



KEMENTERIAN PELANCONGAN,  
SENI DAN BUDAYA  
JABATAN KEBUDAYAAN  
DAN KESENIAN NEGARA

# KENYATAAN MEDIA

[www.jkkn.gov.my](http://www.jkkn.gov.my)

UNTUK SIARAN SEGERA

Bil. 23 /2022

**“ALERT”**: Festival Gendang Sarawak 2022 mengetengahkan dan mempopularkan seni warisan bermukun dan bergendang yang menjadi warisan turun temurun bagi masyarakat Sarawak.

## FESTIVAL GENDANG SARAWAK KEMBALI LAGI

**KUCHING, 05 November 2022** – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui agensinya, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) dengan kerjasama Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak (MTCP) mengadakan Festival Gendang Sarawak 2022 malam ini Dataran Tebingan Sungai Sarawak (Kuching Waterfront) bersempena dengan Sarawak Regatta 2022.

Pelaksanaan program Festival Gendang Sarawak (FGS) selama 3 hari, bermula pada 4 November sehingga 6 November 2022, diselaraskan oleh JKKN Sarawak ini menjadi landasan penting untuk mempopularkan seni warisan bermukun dan bergendang yang menjadi warisan turun temurun bagi masyarakat Sarawak tidak kira apa jua etnik yang ada di sini untuk tatapan masyarakat tempatan dan luar Sarawak.

Seramai 135,389 orang khalayak domestik telah hadir ke festival ini sejak tahun 2014 ia dilaksanakan. Manakala seramai 11,637 orang khalayak antarabangsa telah hadir ke acara ini bagi enam kali pelaksanaannya pada tahun 2014 hingga 2019.

Terdapat 7 kategori pertandingan telah disenaraikan sebagai pengisian utama dalam Festival Gendang Sarawak bagi tahun 2022 iaitu;

1. Pertandingan Gendang Melayu Sarawak (Utama)
2. Pertandingan Tandak Berpasangan Kategori Dewasa Lelaki (Terbuka)
3. Pertandingan Tandak Berpasangan Kategori Kanak-Kanak Lelaki
4. Pertandingan Seh Gendang Berpasangan Wanita
5. Pertandingan Busana dan Tatarias Gendang Melayu Sarawak
6. Pertandingan Nyanyian Lagu Gendang Melayu Sarawak
7. Pertandingan Bakat Kenyalang FGS

Selain itu, Festival Gendang Sarawak kali ini turut melaksanakan Seminar Kearifan Tempatan: Pergendang Sarawak sebagai salah satu pengisian bersifat seni persembahan.

“Diharapkan aktiviti kebudayaan dan kesenian seperti penganjuran Festival Gendang Sarawak ini dapat memberi manfaat kepada para penggiat seni budaya dan masyarakat setempat. Saya percaya program sebegini juga mampu meningkatkan motivasi masyarakat dan penduduk ke arah pembangunan modal insan dalam menyumbang kepada pengembangan masyarakat dan negara dan seterusnya dapat menjana pendapatan kepada masyarakat setempat menerusi pelancongan budaya”, jelas YB Dato’ Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya.

Bagi mendapatkan maklumat dan keterangan lanjut mengenai program ini, orang ramai boleh melayari laman sesawang JKKN iaitu [www.jkkn.gov.my](http://www.jkkn.gov.my) ataupun boleh layari *facebook* JKKN melalui pautan [www.facebook.com/mysenibudaya](https://www.facebook.com/mysenibudaya).

**-TAMAT-**

**Dikeluarkan Oleh:**

Unit Komunikasi Korporat

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara

Tel: 03-2614 8200 Faks: 03-2697 0786

**Laman Sesawang:** [www.jkkn.gov.my](http://www.jkkn.gov.my) **E-mel:** [ukk@jkkn.gov.my](mailto:ukk@jkkn.gov.my)

**Platform Media Sosial Rasmi JKKN:**

Facebook: @Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan @mysenibudaya

Instagram, Twitter & YouTube: @mysenibudaya

**Untuk Pertanyaan, Sila Hubungi**

Mazidah Binti Mustapha Pengarah Unit Komunikasi Korporat, JKKN <a href="mailto:mazidah@jkkn.gov.my">mazidah@jkkn.gov.my</a> Tel: 03-2614 8200 / 012-952 2095	Eldawati binti Laung Pegawai Kebudayaan Unit Komunikasi Korporat, JKKN <a href="mailto:eldawati@jkkn.gov.my">eldawati@jkkn.gov.my</a> Tel: 03-2614 8200 / 019-809 1805
--	--